

**Teks ucapan Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah sempena program Bengkel Seni Debat dan Pengucapan Bahasa Mandarin 2010**

*Salutasi*

BismillahirRahmaniRahim..

Assalamualaikum Waramatulahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya dapat kita bertemu pada majlis perasmian Bengkel Seni Debat dan Pengucapan Bahasa Mandarin 2010. Saya bagi pihak penganjur amat berbesar hati dengan kehadiran para peserta khususnya mahasiswa dan mahasiswi dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta pelajar sekolah menengah di Sekitar Kota Kinabalu. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak UMS juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Presiden Persatuan Kebudayaan Kaum Cina Sabah, Datuk Chau Tet On ke majlis perasmian bengkel ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas kesudian Y.Bhg. Datuk untuk meluangkan masa bersama-sama kita pada hari yang mulia ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan bahawa program Bengkel Seni Debat dan Pengucapan Bahasa Mandarin 2010 ini merupakan program yang pertama kali diadakan di Universiti Malaysia Sabah. Saya percaya, ini merupakan satu bentuk transformasi yang baik bagi mahasiswa kerana berani mengambil risiko mengetengahkan satu lagi program yang bersifat keintelektuan.

Pada hari ini, kita boleh melihat kebanyakan pelajar atau golongan muda suka menghabiskan masa dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak, berhibur secara keterlaluan dan sebagainya. Sehubungan itu, melalui penganjuran program-program seumpama ini ia akan menghindari para pelajar daripada terus

terjebak ke dalam aktiviti yang kurang sihat ini sekaligus menjana individu yang berkualiti dan menjadi kebanggaan kepada bangsa, agama dan negara.

Di sekolah malah di universiti sendiri sememangnya ramai yang petah berbicara tetapi kebanyakannya mereka sukar untuk mengadaptasikan kepetahan dalam berpidato dengan berkesan kerana ketiadaan program seumpama ini. Justeru penganjuran program-program sebegini amat digalakkan terutama dalam membentuk dan mengasah bakat-bakat pelajar yang berpotensi untuk meningkatkan lagi tahap keyakinan agar mampu terus bergerak maju ke hadapan.

Saya juga menaruh kepercayaan bahawa bengkel selama bengkel ini berlangsung ia bakal memberikan pelbagai wacana ilmiah dan idea yang bernas dalam memastikan kita semua mendapat input yang bagus untuk diperaktikkan dalam sesuatu pertandingan debat atau perbahasan khususnya yang berkaitan dengan Bahasa Mandarin. Semoga Bengkel Seni Debat dan Pengucapan ini akan menjadi satu medan yang baik bagi para pelajar untuk mencungkil bakat yang terpendam dalam bidang pendebatan dan pengucapan disamping mendapat pendedahan dan membuat persediaan yang terbaik, sesuai dengan aktiviti- aktiviti yang telah disediakan. Diharap dengan ini, semangat para pelajar akan terus disemarakkan terutama dalam menyertai sebarang pertandingan debat dan pengucapan awam.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan program ini dijalankan seperti yang dijadualkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah , para peserta dari IPT sekitar Kota Kinabalu dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Saya berharap agar program ini menjadi warisan dan berkesinambungan dari masa ke semasa kelak. Biarlah jalinan persahabatan yang dibina di antara pelajar- pelajar sekolah dan mahasiswa akan terus diperkuuhkan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Datuk Chau Tet On kerana kesediaan beliau bersama kita pada pagi ini. Kehadiran Y.Bhg. Datuk pastinya akan menyerikan lagi majlis yang penuh bermakna ini.

Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim saya dengan ini merasmikan **Bengkel Seni Debat dan Pengucapan Bahasa Mandarin 2010**

Sekian, terima kasih.